

PENGUASAAN BACAAN RUKUN QAULI DALAM SOLAT DALAM
KALANGAN MURID TAHUN 4 SEKOLAH RENDAH

Raziah Binti Md Nasib

(No. Matrik 1122527)

Laporan ilmiah ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian syarat memperoleh

IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SEKOLAH RENDAH)

DENGAN KEPUJIAN

Fakulti Pengajian Bahasa Utama

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Nilai

JULAI 2016

PENGAKUAN PENKAJI



Saya dengan ini mengaku bahawa semua hasil tulisan dan tugas ini adalah hasil nukilan saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh : 15 JULAI 2016

Tandatangan :

Nama : RAZIAH BINTI
MD NASIB

Nombor Matrik : 1122527

Alamat : No 6, Lorong Orkid 2A,
Taman Raja Uda, 42000
Pelabuhan Klang,

Selangor Darul Ehsan

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah yang maha Pemurah lagi Maha Penyayang yang telah memungkinkan saya untuk menyempurnakan tugas ini dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan sekalung terima kasih diucapkan kepada Dr Fariza Puteh Behak selaku penyelia penulisan ilmiah ini. Bimbingan dan nasihat serta tunjuk ajar yang beliau berikan telah banyak membantu saya dalam menjalankan dan menjayakan tugas ini.

Tidak lupa penghargaan khas buat suami tercinta Ahmad Shuhaimi Bin Ismail, bonda tersayang Fatimah binti Bakri, serta permata hati Farhanah binti Ahmad suhaimi, Nadiah Binti Ahmad Suhaimi, Abdul Hannan Bin Ahmad Suhaimi, Abdullah Fahim Bin Ahmad Suhaimi, Asfarizal bin Shapari, serta cucunda yang dikasihi Aufa Fathanah binti Asfarizal. Alhamdulillah, pencapaian ke tahap ini adalah berkat doa restu, pengorbanan serta sokongan kalian.

Selain daripada itu penghargaan juga diberikan kepada semua rakan seperjuangan yang turut membantu memberikan pelbagai bentuk bantuan serta memberikan idea, Zaiton Binti Nordin, Zaiton Binti Ismail, Mufizah Binti Ahmad serta Noor khayati Binti Asnam. Jutaan terima kasih atas segala bantuan dan tunjuk

ajar. Penghargaan juga kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses kajian dan penulisan dijalankan.

Akhir kata, jutaan terima kasih khusus untuk keluarga tersayang yang selama ini tidak putus-putus memberikan semangat dan doa untuk saya meneruskan perjuangan ini. Semoga kalian diberkati Allah. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat tahap penguasaan bacaan rukun qauli dalam solat dalam kalangan murid sekolah rendah. Responden yang terlibat dalam kajian ini ialah 10 orang murid perempuan dari sekolah yang sama. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauhmana teknik pengajaran menggunakan kad berwarna membantu penguasaan bacaan rukun qauli dalam solat, mengenalpasti sejauhmana penerimaan dan pemahaman terhadap bacaan rukun qauli dalam solat dan mengenalpasti sejauhmana pengetahuan murid tentang kepentingan bacaan rukun qauli dalam solat. Dapatan kajian ini menunjukkan secara keseluruhannya, 90% murid menguasai bacaan rukun qauli dalam solat pada tahap sederhana. Murid perlu kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baik dan lebih menarik untuk meningkatkan penguasaan bacaan dalam solat. Selain daripada itu guru perlu sentiasa menggunakan kaedah dan teknik yang menarik yang dapat menarik minat murid terus menguasai bacaan dalam solat seperti kaedah kad berwarna yang telah dijalankan. Masalah utama murid kurang menguasai bacaan dalam solat kerana tiada pengukuhan yang berterusan di luar sesi pembelajaran. Dapatan kajian ini juga, murid tahu akan kepentingan bacaan rukun qauli dalam solat.

ABSTRACT

The purpose of this study was to test the effectiveness of primary pupils' mastery level of "Rukun Qauli" during their "solat". The respondents selected for this particular study were ten female pupils from the same primary school. This study is to identify how effective the learning technique by using coloured cards in mastering the reading of "rukun qauli" in prayers, also to identify how far the acceptance and comprehension towards the reading of "rukun qauli" in prayers, furthermore the research also aims to gauge pupils' understanding of the importance of "rukun qauli" during their "solat". Based on the findings, we can deduce that 90% of the pupils have attained at least a mastery level of understanding the importance of "rukun qauli" during their prayers. The findings further attribute to the importance of employing multiple teaching techniques to enhance the pupils' interest in learning and mastering "rukun qauli", for example the use of coloured cards was effective because it managed to attract the pupils' attention. The study also highlights the importance of reinforcement and remedial to ensure there is continuity in learning.

KANDUNGAN

PERKARA	M/S
Halaman Judul	i
Pengakuan Pengkaji	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	v
Abstract	vi
Kandungan	vii
Senarai Jadual	xii
Senarai Rajah	xiv
Senarai Lampiran	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Prebiu Bab 1	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Objektif Kajian	6

1.4	Persoalan kajian	7
1.5	Skop Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Prebiu Tesis	9
BAB 2	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Prebiu Bab 2	11
2.2	Solat	
2.2.1	Pengertian Solat	11
2.2.2	Rukun Solat	14
2.2.3	Rukun Qauli Dalam Solat	17
2.3	Kajian Tindakan Dalam Pendidikan	23
BAB 3	METODOLOGI	
3.1	Prebiu bab 3	27

3.2	Kajian Tindakan	27
3.2.1	merancang	29
3.2.2	Tindakan	30
3.2.3	Pemerhatian	31
3.2.4	Refleksi	31
3.3	Reka Bentuk Kajian	33
3.4	Partisipan Kajian	35
3.5	Tekni / Kaedah Pengumpulan data	35
3.5.1	Pemerhatian	36
3.5.2	Temubual	38
3.5.3	Pra Ujian dan Pasca Ujian	40
3.6	Teknik / Kaedah Analisi Data	41
3.7	Prosedur Kajian	43
3.7.1	Proses Penyelidikan	47
3.8	Rumusan	50

BAB 4 DAPATAN ATAU HURAIAN

4.1	Prebiu Bab 4	52
4.2	Mengenalpasti sejauhmana teknik pengajaran menggunakan Kad berwarna membantu penguasaan bacaan rukun qauli	52
4.3	Mengenalpasti tahap penerimaan dan pemahaman murid Terhadap bacaan rukun qauli dalam solat apabila menggunakan Kaedah kad dank ad berwarna	60
4.4	Penerimaan	61
4.4.1	Data Pemerhatian	61
4.4.2	Data Temubual	64
4.5	Pemahaman	72
4.5.1	Data Pemerhatian	72
4.5.2	Data Temubual	75

BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Prebiu Bab 5	80
5.2	Dapatan Kajian	80
5.3	Kekangan	82
5.4	Implikasi Kajian	83
5.5	Cadangan Kajian Akan Datang	86
5.6	Kesimpulan	87
RUJUKAN		89
LAMPIRAN A		92
LAMPIRAN B		95
LAMPIRAN C		97
LAMPIRAN D		99

SENARAI JADUAL

NO.	PERKARA	M/S
JADUAL		
Jadual 3.3	Pemerhatian	38
Jadual 3,4	Temubual	39
Jadual 3.5	Skor Bacaan Rukun Qauli	42
Jadual 4.2.1	Peratus bacaan takbiratulihram	54
Jadual 4.2.2	Peratus Bacaan Surah Al fatihah	54
Jadual 4.2.3	Peratus bacaan tasyahud akhir	55
Jadual 4.2.4	peratus bacaan selawat dalam tasyahud akhir	56
Jadual 4.2.6	Peratus bacaan Salam Pertama	57
Jadual 4.2.6	Perbandingan peratus penguasaan bacaan rukun qauli	
	Ujian Pra dan ujian pos kitaran 1 dan kitaran 2	58

Jadual 4.4.1.1	Kod Penerimaan	61
Jadual 4.4.1.2	Aspek pemerhatian tahap penerimaan kitaran 1	62
Jadual 4.4.2.1	Temubual intervensi pertama kod penerimaan	66
Jadual 4.4.2.2	Temubual intervensi kedua kod penerimaan	69
Jadual 4.5.1.1	Kod tahap Pemahaman	72
Jadual 4.5.1.2	Aspek tahap pemahaman pemerhatian kitaran 1	73
Jadual 4.5.2.1	Temubual intervensi pertama kod Pemahaman	76
Jadual 4.5.2.2	Temubual intervensi kedua kod pemahaman	77

SENARAI RAJAH

NO.	PERKARA	M/S
RAJAH		
Rajah 3.1	Proses Kajian Tindakan (Puteh Behak 2013)	33
Rajah 3.2	Carta Aliran Pelan Tindakan Proses Kitaran	35
Rajah 3.6	Kitaran Pertama	44
Rajah 3.7	Kitaran kedua	45
Graf 4.4.1.3	Perbandingan Pemerhatian Kod Penerimaan	
	Kitaran 1 dan kitaran 2	63
Graf 4.5.1.3	Perbandingan Pemerhatian Kod Pemahaman	
	Kitaran 1 dan kitaran 2	74

SENARAI LAMPIRAN

NO.	PERKARA	M/S
LAMPIRAN		
A	Ujian Pra	92
B	Soalan Pemerhatian	95
C	Soalan Temubual Kitaran Pertama	97
D	Solan Temubual Kitaran Kedua	99

BAB I

PENGENALAN

1.1 Prebiu Bab 1

Bab ini membincangkan, secara terperinci mengenai latar belakang masalah, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan prebiu tesis yang berkait rapat dengan tajuk yang dikaji iaitu “Penguasaan Bacaan Rukun Qauli Dalam Solat Dalam Kalangan Murid Tahun 4 Pintar Sekolah Kebangsaan St Anne’s Convent Pelabuhan Klang.”

1.2 Latar Belakang Kajian

Solat merupakan ibadat yang wajib dilakukan oleh setiap umat Islam yang telah memenuhi syarat wajib menunaikan solat dan menurut Al-Qahthani (2009) umat Islam atau muslim yang sudah baligh dan berakal kecuali bagi wanita yang sedang haid dan nifas . Solat yang akan dilaksanakan mempunyai syarat-syarat yang wajib dipatuhi agar ibadat solat sempurna dilaksanakan sebagaimana yang diperintahkan Allah S.W.T kepada setiap hambanya. Firman Allah S.W.T yang menunjukkan tentang kewajipan solat telah dirakamkan dalam surah Al-Baqarah ayat 43

“ dan dirikanlah akan solat dan keluarkan zakat dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang yang rukuk”

Firman Allah lagi dalam surah al-Nisa' ayat 103 :

فَإِذَا أَطْمَأْنَنْتُمْ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ ۚ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا

“ sesungguhnya solat itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan yang tertentu waktunya kepada orang yang beriman”.

Menurut Dzulkarnain & Hj.Latif (2004) rukun merupakan tiang atau perkara asas dalam ibadat solat iaitu beberapa perbuatan tertentu dalam solat yang bermula dengan niat (berdiri) dan diakhiri dengan salam. Sekiranya salah satu daripada perkara-perkara rukun (yang terdiri dari ucapan, bacaan dan perbuatan) tertinggal, maka solat yang didirikan tidak sah. Secara amnya rukun solat terdiri daripada 13 perkara. Dalam 13 rukun solat pula terbahagi kepada 3 bahagian iaitu rukun Qalbi, rukun Fi'li dan rukun Qauli.

Rukun Qalbi adalah rukun yang berkaitan dengan hati. Rukun fi'li pula adalah rukun yang berkaitan dengan perbuatan atau pergerakan anggota badan dalam solat manakala rukun Qauli pula adalah rukun yang berkaitan dengan bacaan dalam solat yang mana akan dibincangkan dengan lebih mendalam dalam bab seterusnya dalam tajuk kajian ini. Menurut Al-Qahthani (2009) lagi, solat merupakan tiang agama yang

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Prebui Bab 2

Bab 2 ini akan menerangkan tentang sorotan kajian iaitu kajian-kajian lepas yang telah dijalankan. Bab 2 ini dibahagikan kepada 3 bahagian utama. Bahagian 1 akan membincangkan tentang bab solat dan pengertiannya. Bab 2 pula membincangkan tentang rukun qauli dalam solat manakala bahagian 3 membincangkan tentang kajian tindakan dalam pendidikan.

2.2 Solat

2.2.1 Pengertian solat

Solat dari segi bahasa bermaksud doa manakala menurut istilah pula solat ialah satu ibadah tertentu yang dimulakan dengan takbiratulihram (takbir pertama) dan diakhiri dengan salam. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“ Dirikanlah solat (dengan tekun) : sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar”.

(surah Al-Ankabut : ayat 45)

Solat merupakan ibadah yang wajib dilakukan oleh setiap umat Islam sama ada lelaki atau perempuan dan solat merupakan rukun Islam yang kedua dalam Islam. Sabda Nabi S.A.W yang bermaksud:

“Islam dibangunkan di atas lima (landasan) : kesaksian bahwa tidak ada tuhan yang layak di sembah selain Allah dan sesungguhnya Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan solat, memnunaikan zakat, haji dan puasa Ramadan”

(Riwayat al-Bukhari)

Solat mempunyai kedudukan yang tinggi dalam Islam. Orang yang mendirikan solat menunjukkan perwatakan orang yang bertaqwa, perwatakan orang yang beriman, perwatakan orang yang patuh dan tunduk dengan perintah Allah, perwatakan orang yang berjaya dan ungkapan syukur atas nikmat Allah, Rizky Banjary (2014). Ini dirakamkan dalam firman Allah yang bermaksud:

“..hidayah bagi orang-orang yang bertaqwa. Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) solat serta membelanjakan (menderma) sebahagian daripada rezeki yang kami berikan kepada mereka...”

(Surah Al-baqarah:ayat2-3)

Firman Allah lagi yang bermaksud:

“ sesungguhnya berjayalah orang yang setelah menerima peringatan itu berusaha membersihkan dirinya (dengan taat dan amal yang soleh). Dan menyebut-nyebut

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Prebiu Bab 3

Bab ini akan membincangkan secara terperinci tentang prosedur pengumpulan data serta kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpulkan data bagi melengkapkan kajian ini. Kajian ini dilaksanakan menggunakan salah satu daripada Model Kajian Tindakan. Bab ini merangkumi kajian tindakan, reka bentuk kajian, prosedur kajian, partisipan kajian, kaedah pengumpulan data, teknik dan kaedah analisis data, prosedur penyelidikan dan rumusan bab ini.

3.2 Kajian Tindakan

Kajian tindakan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri berbeza dengan penyelidikan-penyelidikan yang lain iaitu:

- i. Kajian tindakan mengenalpasti masalah yang berkaitan dengan masyarakat setempat. Keistimewaan ini dapat memberikan impak yang baik pada masyarakat seterusnya menambah baik keadaan sedia ada.
- ii. Kajian ini adalah sangat sesuai untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan pembelajaran. Sesuai dengan keunikan kajian ini yang melibatkan guru dalam penyelidikan, kajian tindakan menggalakkan guru

- iii. untuk mereflek amalan mereka seterusnya melakukan tindakan melakukan perubahan terhadap amalan tersebut.
- iv. Kajian tindakan adalah kajian atau penyelidikan yang dijalankan secara berterusan di mana kajian ini tidak berhenti setelah penyelesaian ditemui tetapi berterusan agar pembelajaran sentiasa ada penambahbaikan. Selain daripada itu, kajian tindakan juga tiada penyelesaian yang muktamad memandangkan maklumat baru akan sentiasa diperolehi semasa pemerhatian dan refleksi bagi masalah yang dihadapi dan keadaan ini akan memerlukan kepada penyelidikan dan kajian yang lain sebagai susulan kepada kajian yang sedia ada.

Menurut Noraini (2013) kajian tindakan merujuk kepada penyelidikan ke atas amalan oleh pengamal, baik secara individu atau mahupun bersama pengamal lain untuk mengubah dan menambah baik amalan sedia ada. Dalam bidang pendidikan, pengamal boleh terdiri daripada seorang guru, pentadbir atau seorang kaunselor sekolah, atau individu lain yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Lazimnya kajian tindakan merujuk kepada penyelidikan yang dijalankan oleh guru untuk memperbaiki amalan dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Puteh-Behak (2013), kajian tindakan dijalankan secara kitaran. Menurut Puteh-Behak (2013) lagi, kitaran kajian tindakan merangkumi fasa merancang, tindakan, pemerhatian dan refleksi. Kajian kitaran yang dinyatakan adalah bersamaan dengan Model kajian Kemmis dan McTaggart (1998) yang mana telah menggariskan empat langkah penting bagi menjalankan kajian tindakan:

BAB 4

DAPATAN ATAU HURAIAN

4.1 Prebiu Bab 4

Bahagian ini akan membincangkan tentang bagaimana data kajian ini dianalisis. Dengan menganalisis data yang diperolehi, pengkaji dapat melaporkan hasil kajian yang dijalankan dan membuat ulasan mengenai data yang dianalisis. Analisis data adalah berdasarkan objektif kajian.

4.2 Mengenalpasti sejauhmana teknik pengajaran menggunakan kaedah kad berwarna membantu penguasaan bacaan rukun qauli dalam solat dalam kalangan murid tahun 4 Pintar.

Objektif pertama dalam kajian ini diukur menggunakan ujian pra (sila rujuk lampiran A) dan ujian pos (sila rujuk lampiran B) mengenai bacaan rukun qauli dalam solat yang dilaksanakan pada kumpulan sasaran. Ujian pra dijalankan sebelum menjalankan proses pembelajaran untuk mengetahui dan meneliti sejauhmana penguasaan bacaan rukun qauli dalam solat setiap murid kumpulan sasaran. Seterusnya pembelajaran menggunakan kaedah kad dijalankan untuk melihat peningkatan penguasaan bacaan rukun qauli murid dalam solat. Ujian pos pula

dijalankan selepas aplikasi kaedah kad untuk menilai sejauhmana keberkesanan kaedah yang digunakan dalam meningkatkan penguasaan bacaan rukun qauli dalam solat.

Dapatan daripada ujian pos dalam kitaran satu selepas intervensi pertama dan ujian pos kedua selepas intervensi kedua telah membuktikan bahawa kaedah kad dan penambahbaikan kepada kaedah kad berwarna dapat meningkatkan penguasaan murid dalam bacaan rukun qauli dalam solat.

Peningkatan penguasaan murid dalam bacaan rukun qauli menggunakan kaedah kad berwarna dapat dibuktikan dengan merujuk jadual perbandingan peningkatan penguasaan bacaan dalam rukun qauli. Berdasarkan pada jadual 4.4.1 di bawah menunjukkan peratus ujian pra yang telah dijalankan.

TAKBIRATULIHRAM						
Responden	Skor			Peratus %		
	SM	M	HM	SM	M	HM
R1			/	0%	80%	20%
R2		/				
R3			/			
R4		/				
R5		/				
R6		/				

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Prebiu Bab 5

Dalam bab ini pengkaji akan menerangkan dapatan kajian berdasarkan data yang diperolehi dan dianalisa di dalam bab empat. Kemudian, bab ini juga akan menerangkan kekangan kajian, implikasi kajian terhadap penyelidik, sekolah dan polisi pendidikan. Ia juga akan menerangkan kajian akan datang.

5.2 dapatan Kajian

Dapatan kajian yang telah dijalankan membuktikan bahawa penggunaan kaedah kad berwarna kepada 10 orang murid semasa intervensi kedua dapat meningkatkan penguasaan bacaan rukun qauli murid. Secara keseluruhannya kajian ini telah mencapai objektif yang ingin dikaji dan dapat menjawab persoalan kajian yang dikemukakan. Selain daripada itu, apabila kaedah ini dijalankan, didapati murid menjalani pengajaran dan pembelajaran secara aktif, saling berinteraksi antara satu sama lain, membaca dengan bersungguh-sungguh dan faham kepentingan bacaan rukun qauli dalam solat.

5.2.1 Mengenalpasti sejauhmana teknik pengajaran menggunakan kaedah kad berwarna membantu penguasaan bacaan rukun qauli dalam solat dalam kalangan murid tahun 4 Pintar.

Berdasarkan dapatan kajian ini, kecenderungan murid-murid untuk meminati sesi pembelajaran menggunakan kaedah kad berwarna adalah tinggi. Ini dapat dilihat dengan jelas setelah markah ujian pra dan ujian pos murid dibandingkan. Selain daripada itu mereka juga dapat menguasai lebih daripada 80% pembacaan rukun qauli dalam solat setelah menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran dalam intervensi kedua. Guru juga dapat mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Berdasarkan dapatan kajian juga jelas menunjukkan bahawa kaedah kad berwarna dapat meningkatkan penguasaan murid dalam bacaan rukun qauli malah meningkatkan pengetahuan murid dalam bacaan dalam solat. Kaedah ini juga menunjukkan kesan yang sangat baik pada murid-murid kerana dengan penguasaan bacaan rukun qauli pada murid-murid ini menggalakkan mereka menunaikan solat. Ini dapat dilihat pada dapatan temubual yang mana murid-murid menyatakan mereka suka belajar bacaan dalam solat kerana dapat menunaikan solat dengan bacaan yang sempurna.

5.2.2. Mengenalpasti sejauhmana tahap penerimaan dan pemahaman terhadap bacaan rukun qauli dalam solat dalam kalangan murid tahun 4 Pintar apabila menggunakan kaedah pengajaran kaedah kad berwarna.

RUJUKAN

Al-Qahthani Dr.Sa'id bin 'Ali bin Wahf. 2009. *Shalaatul Mukmin Mafhum wa Fadhail wa Aadab Wa Anwaa' wa Ahkam wa Kaifiyyah fi Dhau-il Kitab Was Sunnah (Ensiklopedia Shalat Menurut Al-Quran dan As-Sunnah. Jilid 1. Jakarta. Pustaka Imam Asy-Syafi'i. hlmn 141-177.*

Hj Abdul Rahman (penyusun), disemak ustaz Mat Isa bin Deraman. 2012. *Sain dan Solat. Johor Bahru. Pustaka Azhar. Cetakan pertama.*

Aini Hassan. 2007. *Kualitatif atau Kuantitatif: Memahami Andaian Asas yang Mendasari Penyelidikan Pendidikan. Majalah Pendidikan 2007. Jld 30(1) 7.*

Asmawati Suhid et al. 2009. *Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Kem Bestari Solat. Bangi. Journal Of Islamic and Arabic Education 1 (1), Universiti Kebangsaan Malaysia.*

Azizi Yahaya, Shahrin hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan. 2006. *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan: Teori, Analisis dan Interpretasi Data. Kuala Lumpur. PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd.*

Dr. Danial Zainal Abidin. 2015. *Menjadi Ulul Albab. Batu Caves. PTS Publishing House Sdn.Bhd.*

Don Daniyal Don Biyajid. 2013. *Solat Selawat. Kajang. Kuiscell Sdn Bhd. Cetakan pertama.*

Dzulkarnain Hamzah et al. (t.t). *Pengertian Solat Dalam Islam. Kuala Lumpur: An-Nur Publication. Hlmn 88.*

Fahrur Muis. 2010. *Berubat dengan solat. Batu Caves. PTS Sdn.Bhd. cetakan ketiga.*

Dato' Hj Ishak Baharom et al. 2009. *Solat Dan Keajaibannya*. Petaling Jaya. Anbakri Publika Sdn Bhd. Cetakan kedua.

Prof. Dr. K.H.Miftah Faridi. Penterjemah: Nik Faridah Mamat. 2014. *Indahnya Ibadah Muslim Kosmopolitan*. Batu Caves. PTS Islamika Sdn.Bhd.

Kamus Dewan. 2002. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamarul Hazani bin Yusof. 2011. *Pelaksanaan Program Amali Solat Dalam Perkara Asas Fardu Ain (PAFA): Kajian Di Sekolah Menengah Daerah hulu Langat*. Kuala Lumpur. Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Lokman bin Musa. 2014. *Penguasaan Rukun Solat Menerusi Kem Bestari Solat (KBS): Kajian Di Sekolah Rendah Daerah Gua Musang, Kelantan*. Kuala Lumpur. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Marohaini yusoff. 2001. *Pengutipan dan Pengumpulan Data Perlakuan dan Proses Menulis karangan Dalam Bilik Darjah*. Dalam Marohaini (ed), *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman kerja lapangan Kajian*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.

Mohd Gunawan Che Ab Aziz. 2003. *Solat Kejayaan Hakiki*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd. hlmn 16-18.

Mohd Majid Konting. 2004. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhadir bin Haji Joll. 2011. *Solat Nabi SAW Menurut Mazhab Syafi'e*. Mawleed Publishing.

Noraini Idris. 2013. *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Edisi kedua. Shah Alam. Mc Graw Hill Education.

Nurulazidah binti Jaafar, Fazlina binti Fadzil. 2011. *Kajian Pembacaan Rukun Qauli Di Dalam Solat Dalam Kalangan Pelajar Muslim Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan*. Negeri Sembilan. Jabatan Pengajian Am, Politeknik Port Dickson.

Othman Lebar. 2012. *Kajian Tindakan Dalam Pendidikan Teori dan Amalan*. Cetakan kedua. Tanjong Malim, Perak. Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Puteh-Behak, F. 2013. *Using a multiliteracies approach in a Malaysian polytechnic classroom: a participatory action research project* (Doctoral dissertation, University of Southern Queensland).

Risky Banjary, Abdul Al Mustofa. 2014. *Formula Mudah Solat, Menyuburkan Erti Solat Dalam Kehidupan*. Batu Caves. Must Read Sdn.Bhd. cetakan pertama.

Shairozi bin Hashim. 2006. *Tahap Kefahaman Perkara Asas Fardu Ain Dan Amalannya Di Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Idris, Sabak Bernam, Selangor*. Bangi. Disertasi Sarjana Pendidikan Islam, Fsakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ust. Zaharuddin Abd.Rahman. 2008. *Formula Solat Sempurna*. Kuala Lumpur. Telaga Biru Sdn Bhd. Cetakan pertama.